

29/01/1997

SNI kad pintar pelbagai guna

SIEMENS Nixdorf Information Systems (M) Sdn Bhd (SNI), akan menubuhkan satu jawatankuasa dalam usaha membangunkan aplikasi kad pintar pelbagai guna kebangsaan yang mana konsep itu adalah antara tujuh aplikasi dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Memandangkan SNI sudah memperkenalkan idea kad itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ITX tahun lalu di samping pengumuman Dr Mahathir bahawa kad pintar akan digunakan menjelang 1998, peluang SNI untuk terbabit secara langsung dalam bidang itu adalah cerah.

Pengarah Urusannya, Rolf Mugrauer, berkata memandangkan kegiatan di MSC akan membabitkan SNI, syarikat melantik Raja Idris Raja Kamaruddin sebagai pengarah bagi projek itu yang turut terbabit dalam jawatankuasa itu.

"Apa yang kami rancang ialah untuk mengetengahkan keupayaan kad pintar Malaysia yang mempunyai pelbagai fungsi selain menjadikan Malaysia negara pertama menggunakan kad seperti itu," katanya.

Menurutnya, bagi memangkinkan kejayaan itu, SNI terpaksa mengadakan kerjasama dengan syarikat lain untuk meningkatkan keupayaan kad serta menambah beberapa fungsi asasnya.

Selain itu, perbincangan dengan pihak berkaitan juga harus dilakukan terutama vendor yang akan menyediakan mesin untuk kad pintar selain pembekal sistem rangkaian.

"Kerjasama dengan pemain utama dalam industri teknologi maklumat (IT) seperti Hewlett-Packard (HP) dan Intel harus diutamakan dalam melahirkan tahap standard pada kad itu bagi menjadikannya kad pintar yang boleh digunakan di peringkat antarabangsa."

"Apa yang sudah pasti, untuk menjayakan pelaksanaan kad pintar pelbagai guna itu, SNI terpaksa melalui proses perbincangan berterusan," katanya.

(END)